

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN MENERUSI KOKURIKULUM SUKAN HOKI DALAM KALANGAN PELAJAR UTHM.

Alunawati binti Buhari dan Ahmad bin Esa

Sekolah Kebangsaan Parit Raja, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor.

Abstrak

Penglibatan dalam kokurikulum semakin penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi (IPT). Penglibatan dalam kokurikulum boleh mewujudkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Majikan masa kini lebih mementingkan kemahiran insaniah yang tinggi terhadap bakal pekerjanya. Kemahiran kerja berpasukan merupakan salah satu elemen Kemahiran Insaniah (KI). Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum khususnya dalam permainan hoki di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Reka bentuk kajian yang telah dipilih oleh penyelidik adalah berbentuk kajian kes. Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan sekumpulan pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum hoki di UTHM sebagai sampel kajian. Penyelidik memilih kajian kes sebagai rekabentuk kajian kerana melalui kajian kes, maklumat yang diperolehi amat teliti dan mendalam telah dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Instrumen yang digunakan adalah borang selidik, temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen yang digunakan untuk mengumpul data mengenai penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran berpasukan dalam kalangan responden. Jumlah populasi yang terlibat adalah seramai 33 orang pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum sukan hoki di UTHM. Penyelidik menggunakan semua populasi sebagai sampel kajian. Hasil soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 2.0. Kajian ini mencadangkan agar jurulatih atau pensyarah kursus menjadi *role models* yang dapat menerapkan kemahiran kerja berpasukan yang berterusan supaya dapat menjadi ikutan pelajar.

Keywords : *Kokurikulum, Kemahiran Insaniah (soft skill), Kemahiran Kerja Berpasukan.*

1.0 Pengenalan

Modal insan merupakan satu usaha ke arah melahirkan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, berpendidikan, terlatih dan berkerjaya (Dom, 2011 dan Ahmad *et al.*, 2011). Graduan yang memiliki keterampilan akademik semata-mata tidak dapat menjamin mereka mendapat pekerjaan ekoran daripada ekspektasi majikan dan cabaran persaingan sengit dalam dunia pasaran kerjaya masa kini (Jalil, 2012). Penglibatan individu dalam kokurikulum seperti sukan dapat meningkatkan personaliti seseorang dengan lima dimensi iaitu daya saing, prestij, nilai moral, kesahihan dan kredibiliti yang tinggi (Rodoula, (2012). Melalui aktiviti sukan berpasukan, ahli pasukan akan berinteraksi, berkongsi maklumat dan memikul tanggungjawab bersama (Sidal, 2014 dan Eisher, 2010). Justeru itu, penuntut IPT disarankan supaya melibatkan diri dalam bidang kokurikulum seperti sukan sebagai langkah awal untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran graduan apabila menempuh alam pekerjaan.

Kemahiran kerja berpasukan merujuk kepada sekumpulan individu dalam sesebuah organisasi yang melaksanakan tugas secara berganding bahu antara satu sama lain dan sama-sama berganding bahu bagi mencapai matlamat kumpulan (Mad Shah, 2014 ; Saadan, 2011 dan Wheelan, 2010). Berdasarkan justifikasi tersebut adalah perlu satu penyelidikan dijalankan untuk melihat tahap penerapan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar IPT khususnya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk memenuhi keperluan pasaran global dan seterusnya berjaya menangani cabaran Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju mengikut acuannya sendiri.

1.2 Latar Belakang Masalah

Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan pada 2010 dijangkakan akan menjana sejumlah 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang 2020. Berdasarkan perangkaan pengangguran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2013), jumlah pengangguran penduduk Malaysia sehingga bulan Jun 2013 adalah sebanyak 375 401 orang dengan peratus 56 peratus daripadanya merupakan siswazah. Kajian Alumni Research Team (2011) melalui Kajian Pengesanan Graduan di UTHM pada tahun 2009 menunjukkan bahawa 834 (42.2%) graduan UTHM telah bekerja, 978 (49.4%) tidak bekerja. Graduan yang dihasilkan oleh sesebuah IPT adalah merupakan produktiviti yang amat bernilai bagi negara kita. Sesebuah institusi pendidikan sewajarnya memainkan peranan penting dalam menyediakan sumber manusia yang berdaya saing bagi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan yang diperlukan oleh majikan era globalisasi (Jalil, 2012).

Penyertaan pelajar dalam kokurikulum di UTHM adalah diwajibkan supaya pelajar dapat menimba ilmu, seterusnya mampu melatih diri dalam aspek-aspek kemahiran kerja berpasukan (Abdullah, 2008). Namun begitu, terdapat tanggapan negatif yang wujud di kalangan pendidik bahawa ketidakupayaan pelajar untuk menghubungkan kecemerlangan dalam prestasi akademik kepada penyertaan aktif dalam aktiviti kokurikulum (Abdul & Sasidhar, 2005 dan Jaflus, 2005). Tanggapan negatif terhadap kegiatan kokurikulum kerap dikaitkan dengan bebanan tugas yang bertambah dan mereka tidak mendapat sebarang faedah kerjaya dalam melaksanakan kokurikulum.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di Bahagian Latar Belakang Kajian, didapati terdapat banyak masalah atau perkara negatif timbul dalam penglibatan kokurikulum iaitu seperti sikap pelajar yang ego, disiplin yang kurang, tiada komitmen, tiada minat, penjanaaan idea lemah dan tiada ketepatan masa dan tidak mahu mendengar pandangan atau idea rakan sepasukan. Selain itu, kurangnya graduan mendapat tempat di alam pekerjaan adalah bermulanya dari kelemahan praktikal pelajar seperti penglibatan pelajar dalam kemahiran kerja berpasukan. Sebenarnya aktiviti kokurikulum ini dapat memupuk dan membentuk kemahiran kerja berpasukan yang tinggi dengan melihat mereka bekerjasama dalam pasukan. Justeru itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengenalpasti penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) .

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti samada penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran kerja berpasukan yang diamalkan oleh pelajar menerusi kokurikulum sukan hoki dalam kalangan pelajar UTHM dikuasi ataupun sebaliknya. Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif seperti berikut:

- i Mengenal pasti tahap penerapan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki dalam kalangan pelajar di UTHM.
- ii Mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum hoki di UTHM.
- iii Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum hoki di UTHM.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang diutarakan dalam menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat penerapan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki di kalangan pelajar di UTHM?
- ii. Sejauhmanakah tahap kesedaran pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum hoki di UTHM?
- iii. Sejauhmanakah tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum hoki di UTHM?

1.6 Skop Kajian

Secara ringkasnya kajian ini difokuskan kepada:

- a) Meninjau amalan atau aktiviti penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum hoki dalam UTHM iaitu seperti di padang hoki.
- b) Mengenal pasti penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap pelajar sarjana muda yang mengambil matapelajaran kokurikulum hoki bercredit.
- c) Elemen-elemen Kemahiran berpasukan :
 - i Kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.
 - ii Kebolehan untuk memahami dan mengambil bahagian peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.
 - iii Kebolehan untuk mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.
 - iv Kebolehan untuk memberikan sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.
 - v Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan. Pemilihan ini adalah berdasarkan melihat sejauhmana penglibatan pelajar dalam kokurikulum dan melihat sejauhmana pembangunan pelajar tersebut.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenalpasti mengenai pembangunan kemahiran kerja berpasukan pelajar UTHM sepanjang menjalani latihan

dalam kokurikulum sukan hoki. Memandangkan masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian ialah satu semester iaitu bersamaan dengan 3 bulan, tempoh ini sebenarnya tidak mencukupi untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap pembentukan kemahiran berpasukan pelajar menerusi permainan hoki. Bagi mendapatkan data yang lebih mendalam, masa yang lebih lama diperlukan tambahan permainan ini menjalani latihan yang serius pada pertengahan tahun sahaja. Selain itu, ketepatan kajian ini juga banyak bergantung kepada komitmen, kejujuran dan keikhlasan responden yang di temuduga berdasarkan maklum balas kepada penyelidik semasa proses temu duga.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini secara langsung membantu memberi idea kepada UTHM supaya dapat gambaran tentang *KI* terutamanya kemahiran berpasukan yang dikuasai oleh pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum. Selain itu, dapat memberi gambaran tentang kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki yang dikuasai oleh pelajar mereka sekaligus dapat menguasai *KI* terutamanya kemahiran kerja berpasukan iaitu dari segi pembinaan idea, berkongsi pendapat, tanggungjawab dan amanah. Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pelajar, Ibu Bapa dan Masyarakat tentang kepentingan kemahiran kerja berpasukan dan menyedari bahawa kecemerlangan dalam akademik sahaja tidak menjanjikan peluang pekerjaan setelah tamat pengajian.

1.9 Teori Kajian

Penyelidik menggunakan teori Chikering dalam kajian ini kerana menyifatkan konsep utama teori ini adalah menggalakkan pembelajaran yang berterusan melalui ilmu, pengalaman dan persekitaran dalam membangunkan personaliti pelajar (Johari, 2011). Penyelidik mengaitkan teori ini dalam kemahiran kerja berpasukan iaitu pelajar belajar melalui pengalaman berkaitan dengan penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran berpasukan menerusi kokurikulum hoki.

2.0 Sorotan Kajian

Menurut Gallie, Zhou, Felstead & Green (2012), kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain untuk mencapai matlamat yang sama. Elemen kerja berpasukan adalah suatu keperluan yang kritikal dan sangat di perlukan dalam sektor pekerjaan (Zainal *et al.*, 2011). Terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa Institusi Pengajian Awam (IPTA) tidak menyediakan

pelajarnya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan. Isu graduan dan pengangguran sentiasa menjadi fokus utama kerajaan yang komited untuk mengatasinya (Nordin, 2010). Bagi memastikan semua graduan mendapat kerja sama ada makan gaji atau menjadi usahawan, pelbagai faktor diperlukan dan perlu disediakan untuk graduan terbabit (KPT, 2010).

2.1 Kokurikulum

Kokurikulum dapat menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang dipelajari (Keyani. B, 2012 dan Lawhorn, 2008) . Kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak kurikulum dan menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang dipelajari. Chi-Hung *et al.*, (2011) pula berpendapat bahawa kokurikulum merupakan aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar berbanding aktiviti kelas biasa.

Dalam kursus kokurikulum di UTHM, penuntut akan dinilai dalam tiga aspek utama iaitu kemahiran bidang, kerja kursus dan KI. Kemahiran bidang adalah kemahiran yang ditunjukkan oleh penuntut dalam aktiviti psikomotor seperti tarian, hoki , kawad kaki, pengucapan dan sebagainya bergantung kepada kursus yang mereka ikuti. Kerja kursus adalah penilaian yang dibuat terhadap penuntut sepanjang satu semester seperti kuiz, ujian, lawatan, penganjuran aktiviti, kesungguhan, penglibatan dan sebagainya sementara KI pula adalah lebih kepada nilai-nilai efektif yang diterapkan ke dalam jiwa mereka. Terdapat tujuh bentuk KI yang perlu diterapkan kepada penuntut iaitu kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, keusahawanan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi, pembelajaran sepanjang hayat serta etika dan moral (Mohamad, komunikasi peribadi, Mei 21, 2014).

UTHM mementingkan pembangunan KI disamping memberikan pengalaman yang tidak diperolehi dalam bilik kuliah kepada semua pelajar. Pelajar telah dilatih supaya bekerja dalam berpasukan, dari tahun pertama hingga ke tahun akhir di universiti. UTHM telah mengajar atau melatih pelajar bekerja secara berpasukan dengan 28 jam kredit pertemuan. UTHM berharap pelajar dapat menerapkan KI dengan harapan pelajar boleh berubah dalam 28 jam pertemuan dapat dididik.

2.2 Kepentingan Kokurikulum

Pada peringkat pengajian tinggi, pemeraksanaan kursus kokurikulum dalam sistem pengajian perlu diberi penekanan sewajarnya sama seperti kurikulum teras yang lain. Kokurikulum di IPT merupakan pelengkap kepada kitaran kurikulum pengajian bidang teras. Kecemerlangan dalam bidang kokurikulum seperti bidang sukan dan permainan berkait rapat dengan realiti hidup dan kepentingan dari segi pekerjaan profesional (Marais, P. (2011). Hal ini perlu dititikberatkan kerana setiap individu yang melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum bertanggungjawab mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang permainan. Penglibatan dalam kelab sukan akan mengembangkan kemahiran bersosial, bercampur gaul, berhubung mesra dan akhirnya berkeupayaan dalam perhubungan awam yang boleh dimanfaatkan dalam masyarakat kelak. Melalui kursus kokurikulum, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur intelek akan dapat membantu pelajar memiliki keyakinan tinggi dalam membuat. Kursus kokurikulum yang dirancang dengan berdasarkan konsep pendidikan formal yang diberikan kredit adalah sesuai untuk menerapkan tujuh elemen kemahiran insaniah secara berterusan dan berstruktur. Kemahiran insaniah merupakan kemahiran generik yang merangkumi kemahiran kerja berpasukan.

2.3 Kepentingan Kemahiran Kerja Berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan (TS) melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama. Kerja berpasukan bermaksud kerja yang dilaksanakan oleh individu yang mempunyai ciri berbeza yang bekerja dalam satu kumpulan yang mempunyai matlamat yang sama untuk menyiapkan sesuatu tugas (Mansor, 2008). Individu yang memimpin sesebuah pasukan perlulah bersikap adil, saksama dan mampu menguasai suasana tegang, berusaha menyelesaikan konflik dalam pasukan. Ahli pasukan perlulah bersedia melaksanakan tugas dan arahan, menyumbang idea bertanggungjawab dan aktif dalam membuat perancangan serta tindakan jalinan hubungan antara jurulatih dan ahli pasukan ke arah menwujudkan kerjasama dan persefahaman. Namun, perlu disedari bahawa kualiti sesuatu kerja yang dilakukan secara kumpulan adalah berbeza dengan kerja yang dilakukan secara pasukan, terdapat beberapa perkara yang penting perlu ditingkatkan untuk mengubah sesebuah kumpulan kepada pasukan yang tidak dapat dilakukan secara automatik (Kamsah & Yusof, 2005). Elemen kerja berpasukan adalah suatu keperluan yang kritikal dan sangat di perlukan dalam sektor pekerjaan (Zainal *et al.*, 2011).

2.4 Sukan Hoki

Hoki adalah permainan dimainkan dengan bola dan kayu. Dalam permainan ini pemain cuba menjarangkan gol dengan memukul, menolak atau flicking bola dengan kayu hoki ke dalam gol pasukan lawan itu (Hussein *et al.*, 2012). Tahun 1989 menampakkan perubahan dalam arena permainan hoki tanah air. Pertandingan Piala Razak dua divisyen telah dilancarkan sebagai perkembangan kepada permainan hoki di Malaysia. Walaupun hoki tidak sepopular seperti bola sepak tetapi hoki adalah salah satu permainan yang berprestasi tinggi di Malaysia. Hoki mula dikenali sebagai sukan demonstrasi di Sukan Olimpik pada tahun 1900 dan dijadikan salah satu sukan yang dipertandingkan pada tahun 1928. Sejak itu hoki dimainkan dalam Sukan Olimpik. Sejarah menunjukkan hoki telah dimainkan lebih kurang 4000 tahun yang lalu di Mesir. Guru dan jurulatih yang berpengalaman juga tidak ramai dilihat handal yang cukup bermotivasi untuk mempopularkan permainan ini. Ini adalah merugikan kerana penduduk Malaysia mempunyai bakat untuk bermain hoki. Pasukan hoki Malaysia, terutama pasukan lelaki boleh dikatakan telah berjaya di peringkat antarabangsa. Mereka telah layak menyertai Sukan Olimpik sejak tahun 1956.

2.5 Elemen Kemahiran Kerja Berpasukan dalam hoki

Kajian Mohd Noor & Sahimin (2008) mendapati pelajar sedar bahawa aspek kebolehan bekerjasama dengan orang lain untuk mencapai objektif kumpulan sangat penting. Dalam hoki pelajar dilatih untuk bekerjasama melakukan aktiviti seperti aktiviti regangan dan memanaskan badan, di mana aktiviti ini hendaklah aktif mudah dan menyeronokkan. Pelajar tidak boleh bergerak sendiri, berdiri sendiri, mereka tidak boleh bermain hoki secara sendiri malah untuk memakai pakaian hoki juga memerlukan bantuan daripada individu lain. Pelatih digalakkan mengemukakan kemahiran yang berunsur imaginatif bersama-sama dengan gerak kerja regangan. Latihan rebutan kilas juga perlu dilakukan secara berpasangan untuk pertukaran posisi.

Selain itu, kemahiran kerja berpasukan boleh diterapkan melalui aktiviti-aktiviti latihan secara berpasukan seperti Ujian Daya tahan otot dan ujian kelembutan perlu dilakukan secara berpasangan. Seorang pembantu akan memegang pergelangan kaki individu yang lain dengan kaki yang kukuh sebagai sokongan. Setiap sesi latihan pelajar akan dilatih dengan cara untuk bermain dan menggunakan teknik dan kemahiran dalam permainan mengikut arahan jurulatih. Alkendale (2012) menyatakan bahawa pelajar yang bekerja secara berpasukan dengan baik mampu menyelesaikan konflik dalam kumpulan melalui perbincangan sesama ahli kumpulan tanpa mencetuskan pergaduhan.

Kerja berpasukan juga berfokuskan kepada menjayakan tugas dan menyumbangkan kemahiran tersendiri serta merancang dan merangka bersama. Dalam permainan hoki, sebenarnya kerja berpasukan amatlah penting penting sekiranya penyerang gagal menjaringkan gol, pasukan mungkin hanya mampu seri dan tewas semasa sepakan penalti dan sebaliknya. Saling pergantungan positif ialah persepsi bahawa nasib ahli-ahli sekumpulan adalah serupa dan mereka adalah saling bergantung di antara satu sama lain untuk mencapai sesuatu matlarnat yang sama (Foster & Washington, 2009). Semua ahli kumpulan perlu mengarnbil berat tentang pembelajaran diri sendiri dan juga pembelajaran rakan-rakan sekumpulan tanpa perselisihan (Omar, 2012). Justeru itu, sekiranya seseorang individu gagal untuk menguasai kemahiran ini dengan baik, hubungan antara ahli kumpulan boleh terjejas

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah berbentuk kajian kes. Menurut Mohammad (2011), reka bentuk kajian kes merupakan satu strategi penyelidikan yang sangat berkesan apabila kajian difokuskan kepada fenomena semasa dan situasi sebenar. Penyelidik memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian kerana melalui kajian kes, maklumat yang diperoleh amat teliti dan mendalam dapat dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Creswell (2012) menamakan kajian ini dengan kajian cirian dengan tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan ciri-ciri masa kini individu, kumpulan, situasi atau keadaan. Kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif iaitu untuk mengetahui tahap penerapan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki terhadap pelajar sarjana muda yang mengambil mata pelajaran kokurikulum hoki bercredit di UTHM.

Pembinaan item soal selidik telah dibina berdasarkan konstruk, dimensi dan attribut dengan merujuk kepada sorotan kajian . Data terkumpul bersifat kuantitatif ini membolehkan pengkaji mendapat hasil yang baik. Oleh itu, pengkaji juga menggunakan analisis dokumen berdasarkan kajian-kajian lepas, pemerhatian dan temu bual bertujuan untuk menyokong dapatan pengkaji mengenai tahap penerapan, kesedaran dan penguasaan pelajar menerusi kokurikulum sukan hoki. Menurut Frankle & Wallen (2009), pemerhatian dan temu bual dilakukan dalam situasi sebenar dan secara holistik di samping untuk meneroka sesuatu situasi sekiranya tidak dapat dinilai dengan jelas. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih beberapa sampel daripada populasi sebagai responden untuk menjawab persoalan kajian dan seterusnya membuat penganalisan terhadap hasil kajian tersebut.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Creswell (2011), populasi adalah satu kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama bersesuaian dengan tujuan kajian manakala sampel adalah kumpulan kecil daripada populasi sasaran yang akan mewakili populasi. Dalam kajian ini, populasi adalah terdiri daripada 33 pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum sukan hoki di UTHM. Bilangan pelajar ini merangkumi pemain utama dan pemain sokongan. Dalam kajian ini juga, penyelidik menggunakan 33 bilangan sampel yang tidak besar iaitu jenis sampel *nonprobability* yang tidak memerlukan kebarangkalian. Menurut Fraenkel & Wallen (2009), jenis sampel *non probability* ini amat sesuai untuk semua kajian kes kerana penyelidik akan memilih responden berdasarkan kepada keperluan kajian sahaja. Sampel jenis ini dipilih oleh penyelidik kerana kajian kes akan dijalankan secara terperinci untuk melihat pembentukan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar menerusi sukan hoki di UTHM.

3.3 Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, lokasi kajian penyelidik melibatkan pelajar yang menyertai kursus kokurikulum hoki berkecuali di UTHM. Pemilihan UTHM sebagai tempat kajian kerana menyamai keseluruhan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia yang mempunyai kokurikulum yang sama di semua institusi. Selain itu, pemilihan lokasi adalah disebabkan sampel kajian dapat memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian yang dapat menggambarkan populasi yang bertepatan dengan tujuan dan menjawab persoalan kajian. Kokurikulum satu jam kredit hanya ditawarkan satu semester sahaja kepada pelajar sarjana muda. Memandangkan kokurikulum ini berkecuali, maka kajian ini dirasakan amat perlu dilaksanakan bagi memastikan penerapan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum sukan hoki.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah instrumen triangulasi. Ini kerana kajian ini menggunakan empat instrumen iaitu pemerhatian, temu bual, soal selidik dan analisis dokumen. Menurut Creswell (2012), instrumen tersebut saling melengkapi antara satu sama lain dalam membuat kesimpulan yang mantap berkaitan dengan dapatan kajian. Borang soal selidik akan diedarkan kepada responden. Temu bual dibuat secara bersemuka dengan responden yang telah dipilih manakala pemerhatian dibuat secara berkala iaitu sekali seminggu bagi mengetahui perkembangan ahli

pasukan hoki terhadap pembangunan kemahiran kerja berpasukan terhadap tahap penerapan, kesedaran dan penguasaan dari segi disiplin, ketepatan masa, komitmen dan buku log kehadiran. Manakala analisis dokumen adalah melalui Rancangan Pengajaran Pelajaran Kursus (RPP) kokurikulum sukan hoki. Selain itu, penyelidik juga perlu mengambil gambar ketika kajian sedang dijalankan. Oleh itu, instrumen temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan borang soal selidik amat bersesuaian untuk mendapatkan maklum balas bagi kajian ini.

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan sebelum mengumpulkan data sebenar. Kajian rintis digunakan dalam menentukan nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang diuji. Menurut Wiersma (2000), kajian rintis dijalankan ke atas sampel yang terhad bilangannya. Biasanya di antara lima hingga sepuluh orang tetapi adakalanya melebihi daripada 20 orang. Maka jumlah sampel yang menjalani kajian rintis seramai 31 pelajar UTHM mencukupi kerana mereka mempunyai maklumat yang cukup untuk memberi gambaran mengenai penerapan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki. Nilai *alpha Cronbach* digunakan untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen yang dianalisis. Dapatan koefisien kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) daripada kajian rintis ialah 0.934. Kebolehpercayaan seperti ini adalah pada tahap cemerlang seperti yang ditegaskan oleh Mertens (2005), dan Uma Sekaran (1992). Menurut Wiersma (2005) nilai Alpha Cronbach melebihi 0.6 menunjukkan kebolehpercayaan terhadap set item yang dibina dan boleh diterima.

3.6 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis yang akan digunakan bagi menjawab setiap persoalan kajian adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Kaedah analisis yang digunakan mengikut persoalan kajian.

Persoalan Kajian	Analisis Data	
	Kualitatif	Kuantitatif
1) Adakah terdapat penerapan pelajar terhadap elemen kemahiran kerja berpasukan menerusi	Analisis Dokumen berdasarkan RPP kursus yang diperoleh. Analisis kandungan data yang telah diperoleh daripada	Peratusan dan kekerapan daripada analisis soal selidik.

kokurikulum sukan hoki di UTHM?	pemerhatian (Senarai semak berdasarkan kekerapan dan gambar dan video yang direkodkan) dan temu bual (Transkrip temu hual).	
2) Bagaimanakah kesedaran pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki di UTHM?	Analisis kandungan daripada data yang diperoleh dari temu bual (Transkrip temu bual). - Pelajar Kokurikulum hoki	Peratusan dan kekerapan daripada analisis soal selidik.
3) Bagaimanakah penguasaan pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan hoki di UTHM?	Analisis kandungan daripada data yang diperoleh dari temu bual (Transkrip temu bual). - Pelajar Kokurikulum hoki. - Jurulatih - Rakan sekursus - Pensyarah Pelajar	Peratusan dan kekerapan daripada analisis soal selidik.

4.0 PENUTUP DAN JANGKAAN DAPATAN

Pengkaji menjangkakan hasil dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa terdapat penerapan, kesedaran dan penguasaan elemen-elemen kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar UTHM menerusi aktiviti kokurikulum sukan hoki. Dalam pasukan hoki setiap ahli dilatih untuk menumpukan matlamat bagi menghasilkan permainan yang begitu baik. Pemain bekerja bersama-sama bagi mengatur strategi setiap posisi untuk mencapai matlamat yang sama. Perbincangan bagi menentukan kejayaan pasukan bagi meraih kemenangan secara langsung memberi peluang ahli pasukan memberi pandangan dan idea bagi memperbaiki strategi permainan. Masing-masing mempunyai kepakaran tersendiri tetapi saling memerlukan antara satu sama lain. Ini bertepatan dengan teori Chikering yang menyatakan bahawa menyuburkan perhubungan dan fungsi kumpulan akan meningkatkan kemampuan pasukan meraih matlamat. Gerak kerja yang berbentuk kumpulan dalam rutin latihan yang merupakan salah satu objektif latihan membuktikan bahawa kemahiran kerja berpasukan dititikberatkan dalam pasukan hoki.

RUJUKAN

1. Ahmad, J., Ghazali, M & Hassan, A. (2011). The Relationship Between Self Concept And Response Towards Student's Academic Achievement Among Students University Putra Malaysia. *International Journal of Instruction* 4(2), 23-38. Dicapai pada 24 Mac 2014. Dari <http://www.e-iji.net/dosyalar>.
2. Abdul Sitra, A.R. & Sasidhar, B. (2005). Teachers Perception On the Effectiveness Of Co-curricular Activities:A case Study Of Malaysian Schools. *Unitar E-Journal* 1(1). Ms 32-44. Dicapai pada Mei 6, 2014, dari <http://myais.fsktm.um.edu.my>.
3. Abdullah, N. H. (2008). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Membangunkan Modal Insan Melalui Aktiviti Kokurikulum Di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
4. Alumni Research Team. (2011). *Kajian Kebolehkerjaan Graduan (Graduate Employability) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
5. Alkendale, D. O. (2012). *Enhancing Teamwork and Communication Skills Among First Year Students at The University Botswana*. *Generic Skills*. 6(1), 2- 15.
6. Chi-Hung, L. Chi Wing, R. N. & Po On, E. C. (2001). Can Co-curricular Activities Enhance the Learning Effectiveness Of Students? An Application to the sub degree students in Hong Kong. *International Journal Of Teaching and Learning in Higher Education* 1(3), ms. 329-341. Dicapai pada April 5, 2014, dari <http://liedacademia.edu/>.
7. Creswell, W. J. (2012). *Educational research Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th Ed. Canada: Pearson.
8. Dom, M.A. (2011). Pentingnya Pemimpin dan Kepimpinan. Utusan Malaysia. Dicapai pada Mac 26, 2014, dari <http://www.utusan.com.my/utusan>.
9. Eisher, M. (2010). *Working together, why great partnership succeed*. Barbara: An Imprint of HarperCollins Publisher.
10. Foster, W. M., & Washington, M. (2009). *Organizational structure and home team performance*. *Team Performance Management*, 15(3/4), 158–171. doi:10.1108/13527590910964937
11. Fraenkel, J. R., & Wallen, E. W. (2009). *How To Design and Evaluate Research In Education*. Boston, MA: McGraw-Hill.
12. Gallie, D., Zhou, Y., Felstead, A., & Green, F. (2012). Teamwork, Skill Development and Employment and Employee Welfare. *British Journal of Industrial Relations*, 6(9), 78- 88.
13. Hussein, I., Ahmad, S. & Khan, S. (2012). Biomechanical Study on Drag Flick in Field Hockey. *International journal of behavioral social and movement sciences* vol.01,issue03. Singhanian University Jhunjhunu, Rajasthan, India. Dicapai pada Mac 3, 2014, dari www.ijobsms.in/vol1issue3p21.13.pdf
14. Jabatan Perangkaan Malaysia (2013). Perangkaan Tenaga Buruh Siswazah: Statistics of Graduates in the Labour Force Malaysia. Dicapai pada April 2, 2014, dari <https://www.google.com.my/#q=perangkaan+pengangguran+siswazah+2013>.
15. Jaflus, (2005). *Faktor-faktor Yang Menghalang Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*

- Kebangsaan Daerah Seremban*: Dicapai pada Mac 14, 2014, dari <http://www.ipislam.edu.my/uploaded/file/jaflus.pdf>
16. Jalil, A. (2012). *Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Aktiviti Kokurikulum (Khidmat Masyarakat) Dalam Kalangan Pelajar UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia:pp.101-112.
 17. Johari, A. R. (2011, December 20). *PEMBANGUNAN PERSONALIA PELAJAR DINAMIK BERDASARKAN MODEL CHICKERING. Sebuah Catatan Dari Alam dan Pengalaman*. Retrieved from <http://ahmadrais.blogspot.com/2011/12/pembangunan-personalia-pelajar-dinamik.html>
 18. Keyani, B.(2012). *Planning Guidelines For Co-curricular Activities*. Dicapai pada May 2, 2014, dari <http://www.sbsd12.org/plans/guidelines/cocurricular/CocurricularGuidelines2011-12.pdf>
 19. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: penerbit Universiti Putra Malaysia.
 20. Kamsah, M. F., & Yusof, A. F. (2005). *55 Petua Kerja Berpasukan*. PTS Litera Utama.
 21. Marais, P. (2011). The Significant of Students Teachers Involvement in Co-curricular Activities. *International Journal for e-Learning Security (IJeLS)*. Vol. 1. Ms: 81-88.
 22. Mohammad, M.A. (2011). *Satu Kajian Kes mengenai Amalan Budaya Berkualiti dan Implikasinya*. Dicapai pada Mei 5, 2014, dari http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/FPPSM/bookchapter_fppsm06.pdf.
 23. Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan Dan Panilaian Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran Kokurikulum Di UTHM*. Tesis Sarjana.
 24. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. Universiti Teknologi Malaysia.
 25. Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2004). Penerapan Kemahiran Generik Dalam kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM. *Jurnal Pendidikan Sosiologi*, 4(12), 67-78.
 26. Nordin, M. K. (2010). Teks Ucapan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Dicapai pada Mac 8, 2014, dari http://www.mohe.gov.my/portal/images/infokpt/ucapan/menteri/ucapan_psptn_fasa2.pdf.
 27. Omar, N.S. (2012) . *Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia:Tesis Sarjana.
 28. Rodoula Tsiotsou, (2012) "Developing a scale for measuring the personality of sport teams", *Journal of Services Marketing*, Vol. 26 Iss: 4, pp.238 - 252
 29. Saadan, R., Bokhari, M., Yahya, Aziz, Rajikon, M. A. N., Hassan, S.N.S., & Pilus, A. M. (2011). *Keberkesanan Kursus Kokurikulum Berkredit Dalam Memperkasakan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. ISSN:1985-7012. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Pp. 109-111.

30. Sidal, A. (2004). *Kerja Berpasukan Dalam Organisasi*. Kuala Lumpur: Institusi Tadbiran Awam Negara (INTAN).
31. Weelan, S. A. (2010). *Creating Effective Teams: A Guide for Member and Leaders 3rd Edition*. Thousand Oaks: SAGE Publication, Inc.
32. Wiersma, W. (2005). *Research Methods in Education*. London: Allyn and Bacon.
33. Zainal et al. (2011). *Peningkatan tahap perkembangan kemahiran insaniah mentor melalui 'microcontroller school mentoring project'*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai pada April 3, 2014, dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb11/47.pdf>